

TARIKH	8 / 2 / 2013	SEKSYEN	
MUKA SURAT	1,6	RUANGAN	dlm Negeri

mandangkan profil pelaburannya yang terhad kepada pelaburan berlandaskan syariah manakala tabung pula adalah secara sukarela dan tanpa had.

Secara umumnya pembayaran bonus tahunan Tabung Haji bagi tahun kewangan 2012 adalah lebih tinggi berbanding bank komersial sama ada konvensional mahu pun perbankan Islam.

Kadar pembayaran bonus tahunan bagi akaun simpanan bank konvensional adalah 1.04 peratus dan simpanan tetap adalah 3.18 peratus.

Pembayaran bonus tahunan bagi kadar akaun simpanan perbankan Islam pula adalah 0.97 peratus dan

simpanan tetap adalah 3.31 peratus.

Prestasi positif itu disumbang oleh pendapatan Tabung Haji yang melonjak 28 peratus kepada RM2.8 bilion tahun lalu berbanding RM2.2

bilion pada 2011.

Keuntungan selepas zakat dan cukai juga meningkat sebanyak 27 peratus kepada RM1.7 bilion berbanding RM1.7 bilion sebelumnya.


Ini sekali gus menghasilkan tambah nilai sebanyak RM9.2 bilion kepada dana pendeposit sejak tahun 2006.

Saiz pendeposit meningkat 17 peratus kepada 8.2 juta orang dengan dana terkumpul meningkat kepada RM35.8 bilion berbanding tahun 2011.

Pendeposit boleh menyemak bonus masing-masing di kaunter Tabung Haji dan mesin ATM rakan strategiknya bermula 10 Februari ini.

Ini adalah hadiah ulang tahun terbaik bagi menghargai kesetiaan pendeposit yang sentiasa aktif menyimpan dana dengan Tabung Haji

JAMIL KHIR BAHAROM
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



JAMIL Khir Baharom (kiri) ketika majlis Pengumuman Bonus Jubli Emas Tabung Haji 2012 di Lembaga Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir **Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor (tengah)** dan **Isme'e Ismail**. - BERNAMA